

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Wong Ling Bui
[SARIKEI]**

TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 18

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jenis-jenis projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sarikei dalam masa 5 tahun yang lepas dan 5 tahun yang akan datang. Berapakah jumlah perbelanjaan telah diperuntukkan dalam projek-projek tersebut dalam masa 5 tahun yang lepas di kawasan Parlimen Sarikei.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebanyak 12 buah projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sarikei dengan jumlah peruntukan RM17.25 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu dari tahun 2006 sehingga 2010. Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan merangkumi pembinaan pusat latihan/Institut Kemahiran Belia, pembinaan tadika dan pembinaan infrastruktur jalan raya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, dari tahun 2011 sehingga 2014, sebanyak 9 buah projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sarikei dengan jumlah peruntukan RM 189.95 juta. Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan merangkumi pembelian kelengkapan Giatmara Sarikei, pembinaan infrastruktur jalan serta projek Bekalan Air Luar Bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang membuat persediaan dan penyelarasan perancangan program/ projek bagi tempoh 5 tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).